

## **Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2024**

Kenyataan Rasmi Persatuan Perunding Laktasi Malaysia (MALCA) untuk Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2024 (1-7 Ogos 2024)

---

Persatuan Perunding Laktasi Malaysia (MALCA) sebagai sebuah kumpulan Perunding Laktasi Bertauliah Antarabangsa (IBCLC) di Malaysia, kami berbangga berdiri teguh bersama komuniti penyusuan susu ibu sedunia sempena Sambutan Minggu Penyusuan Susu Sedunia (World Breastfeeding Week - WBW) 2024.

Tema WBW tahun ini adalah "Rapatkan Jurang: Sokong Susu Ibu Sepenuhnya." Ungkapan "rapatkan jurang" merujuk kepada mengurangkan jurang ketidaksamaan dalam sokongan penyusuan. Antara jurang yang dimaksudkan adalah akses seseorang ibu kepada maklumat, kemudahan dan sistem sokongan penyusuan susu ibu dalam pelbagai latar sosio-ekonomi, budaya dan persekitarannya. Matlamatnya adalah untuk memastikan semua keluarga, tanpa mengira latar belakang atau keadaan mereka, diberi peluang yang sama untuk menerima sokongan dan bimbingan bagi menjayakan penyusuan susu ibu. Hal ini penting dalam meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan bayi dan ibu. Tema ini menekankan bahawa sokongan penyusuan yang lebih baik dalam masyarakat membantu merapatkan jurang kesihatan merentasi latar belakang komuniti yang pelbagai, terutamanya semasa menghadapi situasi kecemasan dan krisis.

Sejajar dengan kempen WBW-SDG 2030 untuk Bidang Tematik 2, kami bertekad untuk memajukan matlamat penyusuan susu ibu yang menyumbang kepada pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - SDG), iaitu SDG 1: Tiada kemiskinan, SDG 3: Kesihatan dan Kesejahteraan, SDG 4 : Pendidikan berkualiti, SDG 10: Pengurangan ketidaksetaraan, dan SDG 10: Bandar dan masyarakat mampan.

Semasa kita meraikan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2024, adalah penting untuk mengenalpasti ketaksamaan yang wujud dalam sokongan penyusuan, seperti yang diterangkan dalam rangka tindakan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2024. Ketaksamaan ini termasuklah cabaran yang dihadapi oleh ibu bekerja akibat dasar dan kemudahan laktasi di tempat kerja tidak mencukupi, norma sosio-budaya yang menghalang amalan penyusuan, dan sokongan yang tidak seragam daripada pengamal penjagaan kesihatan. Untuk menangani ketidaksetaraan ini, MALCA bertekad untuk menggalakkan usaha-usaha yang memberikan sokongan penyusuan susu ibu secara menyeluruh, memperkasakan masyarakat untuk perubahan berterusan, dan memperjuangkan dasar yang menghapuskan halangan kepada penyusuan susu ibu. Dengan menyepadukan strategi ini, kami berhasrat mewujudkan persekitaran sokongan di mana semua ibu boleh memulakan dan meneruskan penyusuan, tanpa mengira keadaan mereka.

Dalam memperjuangkan tema 'Rapatkan Jurang: Sokong Susu Ibu Sepenuhnya.' semasa Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2024, penting untuk menekankan ketaksamaan yang wujud dalam sokongan penyusuan. Sebagai contoh, golongan miskin bandar sering bergelut dengan akses terhad kepada faedah bersalin yang dilindungi, sehingga menyebabkan ibu terpaksa kembali bekerja terlalu awal, sekaligus mengganggu usaha mereka untuk meneruskan penyusuan. Selain itu, pekerja tidak formal seperti pekerja kontrak dan pekerja gaji harian seringkali tidak memperoleh faedah cuti bersalin yang mencukupi, yang boleh memberi kesan ketara terhadap perjalanan penyusuan mereka. Contoh-contoh ini menunjukkan keperluan mendesak untuk dasar menyeluruh dan sokongan yang memastikan semua ibu, tanpa mengira status ekonomi atau jenis pekerjaan, mempunyai akses yang sama kepada kemudahan dan sokongan yang diperlukan untuk mengekalkan amalan penyusuan.

MALCA bertekad menangani cabaran ini dengan:

- Mendokong sistem sokongan dan melibatkan pihak berkepentingan merentas sektor untuk memupuk persekitaran yang memudahkan ibu mengasuh anak mereka melalui amalan penyusuan susu ibu.

- Menjemput semua pihak berkepentingan untuk menyertai kami dalam usaha penting ini dalam mempertingkatkan amalan penyusuan susu ibu, menyokong keluarga yang menyusukan anak, dan merapatkan jurang dalam kesenjangan sokongan penyusuan susu ibu.

Bersama-sama, mari kita berusaha mencipta masa depan di mana setiap anak mendapat sokongan penyusuan susu ibu yang terbaik dan setiap ibu dapat menyusukan anak dengan penuh keyakinan dan bermaruah.

Yang Ikhlas,

Persatuan Perunding Laktasi Malaysia (MALCA)